

# Pusat mahu perakuan bertulis Kelantan

B.H. 18 JUL 1992

SETIU, Jumaat — Kerajaan Pusat perlu mendapatkan perakuan bertulis daripada Kerajaan Kelantan supaya tidak mengganggu lagi projek Empangan Hidroelektrik Pergau kerana projek itu membabitkan peruntukan besar, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Benau berkata, pengakuan bertulis dan sah di-segi undang-undang itu perlu kerana Kerajaan Pusat sudah serik disebabkan pelaksanaan projek itu sudah dua kali tergendala.

Kita memerlukan jaminan Kerajaan Kelantan kerana kita akan membelanjakan wang yang ba-

nyak dan jika kita tidak mempunyai fikiran yang tidak baik, apa salahnya kita (Kelantan) memberi pengakuan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ladang Ternakan Bebiri, Caluk, dekat sini petang ini.

Turut hadir Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad; Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid; Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor dan Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Tengku Mahmud Mansor.

Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat memberi tempoh sebulan pengakuan itu ditandatangani kerana kerajaan ingin

meneruskan projek itu seberapa segera.

Bagaimanapun, kerana pengakuan belum diberikan, kerja biasa tidak dapat dijalankan kecuali berkaitan keselamatan.

Perdana Menteri berkata, projek itu perlu diteruskan untuk kebaikan Kelantan sendiri dan tidak mahu menyalahkan sesiapa asalkan projek berkenaan dapat dilaksanakan.

Mengenai bayaran disebabkan projek itu yang tergendala baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, "Jika jumlah kerugian kecil tidak mengapa tetapi jika besar terpaksa berunding".